

07 MAY 2001

Majlis-Mesyuarat

PM AKAN Pengerusikan Mesyuarat Majlis Pembangunan Negara Esok

KUALA LUMPUR, 7 Mei (Bernama) -- Majlis Pembangunan Negara yang dijadual akan bermesyuarat di Putrajaya esok, akan mengkaji, antara lain, pelaksanaan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) dan Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8).

Mesyuarat itu yang akan dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengkaji bagaimana proses pelaksanaan itu akan diawasi, sesuatu yang amat penting bagi masyarakat India, kata Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu yang akan menghadiri mesyuarat itu.

Presiden MIC itu berkata mesyuarat itu akan menilai projek-projek dan program-program yang telah dan akan dilaksanakan.

"MIC akan menubuhkan badan pengawasannya sendiri untuk memantau pelaksanaan itu secara mingguan dan bulanan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

RRJP3 bagi tempoh 10 tahun dan Dasar Wawasan Negara dibentangkan oleh Perdana Menteri di Dewan Rakyat pada 3 April manakala laporan RMK-8 (2001-2005) dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) di Jabatan Perdana Menteri pada 23 April.

RRJP3 menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi berdasarkan bidang-bidang strategik dengan memberikan keutamaan kepada produktiviti, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan membina sebuah masyarakat secara adil bagi memastikan kestabilan dan perpaduan.

Bagi kaum India, RRJP3 mencadangkan untuk meningkatkan pemilikan ekuiti mereka daripada 1.5 peratus pada masa sekarang kepada tiga peratus dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Samy Vellu berkata mekanisme bagi pelaksanaan RRJP3 dan RMK-8 telah diwujudkan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.

"Proses pelaksanaannya akan lebih terancang. Kita akan tahu apa yang berlaku dan bagaimana rancangan-rancangan itu (RRJP3) dan RMK-8 dilaksanakan," katanya.

Bagi mencapai pemilikan ekuiti tiga peratus bagi kaum India, Samy Vellu telah mencadangkan bahawa 9,000 hingga 10,000 ahli perniagaan India yang aktif, kebanyakannya terlibat dalam industri restoran, pasar mini dan besi, akan memainkan peranan penting.

"Mereka ini akan menjadi saluran kepada kita (MIC) untuk mencapai sasaran itu. Mereka akan diminta membeli saham-saham," katanya dan menurutnya masyarakat India perlu mengumpulkan kira-kira RM9 bilion jika mereka mahu mencapai sasaran pegangan tiga peratus itu.

Beliau berkata Permodalan Nasional Berhad (PNB) juga telah diminta membantu MIC dalam perkara itu kerana parti itu tidak mempunyai pengalaman dan modal.

Mengenai peranan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dalam menyediakan pinjaman kepada para usahawan kecil, beliau berkata MIC telah memohon bagi kemudahan itu diperluaskan bagi memasukkan lebih ramai orang India.

"Perlu ada saluran bagi orang India untuk mendapatkan kewangan bagi menjalankan perniagaan. Saluran itu perlu ada jalinan dengan bank-bank," kata beliau.

-- BERNAMA

ES ES RHM